

45 peratus nilai pakej MRT dimiliki syarikat Bumiputera

Inisiatif Bumiputera bagi projek MRT laluan Sungai Buloh-Kajang berjalan lancar dengan sejumlah RM8.824 bilion mewakili sekitar 45 peratus daripada nilai pakej kerja utamanya sudah dianugerahkan kepada syarikat Bumiputera.

Pengarah Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp), Haris Fadzilah Hassan, berkata daripada 85 pakej kerja utama untuk laluan itu, 53 pakej bernilai RM19.8 bilion sudah dianugerahkan, tujuh sedang dinilai dan 25 lagi dijangka diberi hujung tahun ini.

Beliau berkata, daripada 53 pakej kerja itu 22 daripadanya dianugerahkan kepada syarikat Bumiputera termasuk Syarikat Muhibbah Perniagaan & Pembinaan Sdn Bhd, AHmad Zaki Resources Sdn Bhd dan MTD Construction Sdn Bhd.

“Semua pakej kerja Bumiputera itu tertakluk kepada bidaan kompetitif yang mana semua pembida diberi maklumat projek sama dan dinilai menggunakan asas sama.

Penilaian ketat

“Kriteria penilaian ketat dikenakan bertujuan memastikan syarikat berpengalaman luas dan berpengetahuan teknikal dipilih. Kami gembira agenda Bumiputera dilaksanakan dengan berkesan,” katanya pada taklimat media berhubung perkembangan terkini projek MRT laluan Sungai Buloh-Kajang di Kuala Lumpur, semalam.

Haris berkata, semua tender melalui proses penilaian teliti bermula dengan Jawatankuasa Penilaian Tender, disusuli Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Teknikal Sehenti (OSTC).

Kelulusan akhir, katanya diberikan Jawatankuasa Perolehan Sehenti (OSPC).

Beliau berkata, OSPC dipengerusikan Ketua Setiausaha Perbendaharaan jika nilai pakej kurang daripada RM50 juta, Menteri Kewangan Kedua bagi kontrak antara RM50 juta dan RM300 juta dan dipengerusikan sendiri oleh Menteri Kewangan jika nilai kontrak melebihi RM300 juta.

Beliau berkata, dari aspek penilaian, jawatankuasa itu akan meneliti pelbagai faktor termasuk keupayaan teknikal, rekod prestasi dan keutuhan kewangan.